

27/08/1997

Syor bangunan Spratly dibincang Disember

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia akan berbincang dengan rakan-rakan Asean mengenai cadangan China supaya Kepulauan Spratly dibangunkan secara bersama, sebelum mengemukakan pendirian rantau ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata cadangan China itu akan dikemukakan pada sidang kemuncak tidak rasmi Asean di Kuala Lumpur, Disember ini.

Perdana Menteri China, Li Peng dalam lawatan ke Malaysia minggu lalu, menyatakan bahawa pendirian China adalah untuk menyelesaikan masalah itu melalui tindakan secara aman dan dirujuk kepada Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Bagaimanapun dalam usaha mencari penyelesaian itu, Li Peng turut mencadangkan supaya kepulauan itu dibangunkan secara bersama, terutama membabitkan reformasi ekonominya.

"Setakat ini Malaysia belum ada pendirian sebagai maklum balas kepada pendirian China.

"Tetapi dalam hal ini, disebabkan banyak negara terbabit termasuk beberapa negara Asean, ada baiknya jika ia dikemukakan pada mesyuarat Asean bagi mengetahui pandangan kerana mereka sama-sama terbabit dalam tuntutan ini," kata Abdullah pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Dua Hala Antara Sultan Brunei dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Isu tuntutan bertindih ke atas kepulauan Spratly adalah antara perkara yang dibincangkan dalam pertemuan selama sejam, selain masalah krisis mata wang yang melanda beberapa negara Asean serta hubungan dua hala antara Malaysia dan Brunei.

Li Peng yang mengaku bahawa tuntutan bertindih itu sukar untuk diselesaikan dan akan mengambil masa yang begitu lama, mencadangkan supaya kepulauan itu diberi keutamaan lain terutama membabitkan pembangunan dan reformasi ekonomi.

Bagaimanapun, beliau berkata, tuntutan bertindih itu boleh diteruskan mengikut rundingan biasa, tetapi berharap perkara lain yang ada hubung kait dengan isu berkenaan tidak merosakkan hubungan sedia ada China dengan negara lain, terutama Asean.

Rangkaian kepulauan sepanjang 1,000 kilometer yang terletak di Laut China Selatan itu dituntut sebahagian atau sepenuhnya oleh China, Vietnam, Taiwan, Filipina, Brunei dan Malaysia.

Li Peng yang melahirkan keyakinan perkara itu akan diselesaikan melalui dialog dipetik sebagai berkata, jika isu Spratly tidak dapat diselesaikan sekarang "ia boleh diselesaikan oleh generasi kita akan datang."

Menjawab soalan, Abdullah berkata, Malaysia perlu berbincang dahulu dengan negara Asean lain kerana tuntutan itu 'berlapis-lapis'.

"Kita tidak mahu mendahului membuat keputusan kerana tuntutan ini membabitkan pelbagai negara dan kestabilan rantau ini, kerana itu semua negara Asean perlu memahami pendirian China membabitkan perkara ini.

"Seperti biasa semua keputusan yang dibuat oleh negara-negara Asean adalah berdasarkan kepada persetujuan bersama," katanya.

(END)